

22 AUG 2004

Abdullah-Universiti

KERAJAAN TIDAK HADKAN PENUBUHAN UNIVERSITI BARU, KATA PERDANA MENTERI

BANDAR SERI ISKANDAR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan tidak akan menghadkan penubuhan universiti-universiti baru di negara ini tetapi mahu tumpuan diberikan kepada bidang-bidang sains, teknologi dan bioteknologi.

Katanya sains, teknologi dan terutamanya bioteknologi, perlu diberi perhatian kerana ia merupakan pemacu pembangunan negara di masa depan.

"Bidang bioteknologi bertambah penting sekarang. Industri bioteknologi yang makin membesar ini berkemungkinan menjadi lebih besar daripada ICT (Teknologi Komunikasi dan Maklumat) di masa depan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Universiti Teknologi Petronas (UTP) di sini hari ini.

Turut hadir pada perasmian itu ialah Canselor UTP dan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan Rektor UTP Dr Rosti Saruwono.

Abdullah juga berkata bagaimanapun kerajaan tidak akan membenarkan penubuhan universiti-universiti baru sewenang-wenangnya kerana ia perlu mengambil kira keperluan tenaga kerja.

"Ini bagi memastikan pelajar-pelajar yang keluar dari universiti mendapat peluang menyumbang kepada negara. Kita kena ada perancangan.. lepas tu baru boleh tubuh," katanya.

Pada masa ini terdapat 17 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) termasuk kolej universiti, 15 IPT swasta bertaraf universiti, lima bertaraf kolej universiti dan 518 kolej bukan bertaraf universiti di Malaysia.

Abdullah berkata IPTS swasta kini menyediakan peluang pembelajaran bagi kira-kira 295,000 pelajar, termasuk 23,000 pelajar luar negeri.

Beliau berkata kerajaan mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dalam sektor pendidikan, tetapi mereka perlu mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi dan berupaya memberi tahap pembelajaran yang bermutu.

Katanya penglibatan syarikat-syarikat besar seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom dalam penubuhan IPTS jelas berjaya dan ia selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan supaya kursus yang ditawarkan sentiasa relevan dan memenuhi keperluan pasaran.

Menurut Abdullah, rangkaian hubungan yang rapat antara sektor industri dan universiti merupakan salah satu faktor terpenting untuk memastikan daya saing ekonomi dan tenaga pekerja negara terpelihara.

"Ia juga penting dari segi pembangunan pendidikan sains dan teknologi serta pengukuhan sistem inovasi negara. Umpamanya dalam usaha R & D asas dangunaan kerana pihak industri kenal dengan kehendak konsumer," tambahnya.

Terdahulu dalam ucapan perasmian, Abdullah berkata dengan adanya kerjasama antara pihak industri dan universiti, kemungkinan untuk menghasilkan penyelidikan yang mampu dikomersialkan adalah jauh lebih besar.

Katanya kerajaan menggalakkan supaya kerjasama pintar diwujudkan antara universiti dan industri kerana jika bidang penyelidikan diteroka, dikuasai dan dimanfaatkan sepenuhnya, IPT negara ini mampu muncul setanding dengan pusat-pusat R & D yang terkemuka dan disegani di seluruh dunia.

"Walaupun kerajaan memberi peruntukan besar untuk tujuan penyelidikan dan melahirkan pakar-pakar dalam bidang sains, kejuruteraan, perubatan dan ICT, ia masih tidak mencukupi dan memerlukan penglibatan swasta," kata

Abdullah.

Beliau berkata pembukaan IPTS juga telah membantu mengurangkan pengaliran keluar matawang negara ke luar negara dan membolehkan Malaysia menjadi sebuah "hub pendidikan" terkemuka rantau ini kerana kualiti pendidikan yang tinggi dan kos pengajian yang rendah.

Menurut Abdullah, IPTA dan IPTS juga berfungsi untuk menyediakan tenaga kerja untuk pelbagai sektor di negara ini dan membantu negara dalam proses transformasi daripada ekonomi berasaskan pembuatan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Ini adalah penting untuk memastikan negara dapat terus bersaing dalam ekonomi global yang semakin kompetitif dan mencabar," tambahnya.

Mengenai UTP, Abdullah berkata beliau yakin ia akan muncul sebagai antara universiti terkemuka di rantau ini sebagaimana kejayaan Petronas yang menjadi syarikat minyak bertaraf antarabangsa, dan berani meneroka pasaran global.

Katanya berdasarkan pendekatan pendidikan bersifat "industry-driven", infrastruktur yang canggih serta tenaga kerja dan pelajar yang berdedikasi, UTP mampu menjana hasil penyelidikan yang bermutu.

"Saya difahamkan UTP kini semakin dikenali sebagai pusat rujukan penyelidikan hidrokarbon antarabangsa. Saya yakin dengan adanya penyelidikan bersifat cutting-edge ini, para pelajar dapat meningkatkan keupayaan, kecekapan dan potensi mereka untuk menjadi tenaga kerja berprestasi tinggi pada masa datang," tambahnya.

UTP pada mulanya beroperasi sebagai Institusi Teknologi Petronas di Kuala Lumpur pada tahun 1995 dengan menumpang kemudahan akademik milik Universiti Putra Malaysia serta institusi Latihan Pengurusan Petronas di Bangi.

Selepas itu, ia berpindah ke sini dan mengambilalih kampus milik Universiti Sains Malaysia cawangan Perak. UTP kini mempunyai kemudahan pembelajaran untuk seramai 6,600 pelajar, termasuk dari luar negeri.

-- BERNAMA

AR AZH